

02 MAY 1998

Mohamed-Penggiliran

KETUA MENTERI BARU TIDAK SEMESTINYA KADAZANDUSUN, KATA TOK MAT

KOTA KINABALU, 2 Mei (Bernama) -- Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) Datuk Mohamed Rahmat berkata bakal Ketua Menteri Sabah yang dijangka menggantikan Datuk Yong Teck Lee hujung bulan ini tidak semestinya dari kaum Kadazandusun.

"Saya hendak betulkan sedikit perkara ini bahawa ketua menteri selepas ini adalah dari golongan masyarakat Bumiputera bukan Islam dan ia bukan soal dari suku Kadazan, Murut atau Dusun," katanya.

Mohamed berkata demikian bagi menjawab soalan pemberita mengenai penggiliran itu pada sidang akhbar selepas beliau merasmikan sambutan Hari RTM di sini hari ini.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan, juga menggesa tokoh Kadazandusun yang disebut-sebut akan memegang jawatan tertinggi eksekutif negeri itu supaya menerima siapa juga pilihan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi BN.

"Saya hendak minta kepada komponen BN di sini terutama tokoh-tokoh Bumiputera bukan Islam yang dijangka (disebut-sebut) memegang jawatan ini supaya menerima baik sebarang keputusan yang dibuat oleh Dr Mahathir," katanya.

Dua nama yang sering disebut ialah Datuk Joseph Kurup selaku timbalan ketua menteri dan presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) dan Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar yang juga presiden Parti Demokratik Sabah (PDS).

"Adalah penting dalam konteks BN, sebarang keputusan parti hendaklah diterima dengan baik kerana keputusan itu dibuat atas pertimbangan yang lebih luas dan setelah memahami keadaan yang ada," katanya.

"Dari segi dasar kita mengenai penggiliran jawatan itu kita akan terus pertahankan. Ini adalah janji BN dan BN tidak akan mungkir janji mengenai penggiliran ini, dan kali ini adalah peluang kepada tokoh Bumiputera bukan Islam untuk memegang jawatan itu," katanya.

Janji menggilirkan jawatan ketua menteri itu dibuat oleh Dr Mahathir di Beaufort pada 1994 ketika pilihan raya negeri bagi membolehkan pemimpin Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam memegang jawatan itu secara bergilir-gilir setiap dua tahun.

Di bawah sistem penggiliran ini, ketua menteri bagi golongan pertama ialah Tun Sakaran Dandai dan kemudian Datuk Salleh Said Keruak dan kini bagi golongan Cina, Datuk Yong Teck Lee yang akan mengakhiri tempoh jawatannya pada 28 Mei ini.

Hari ini, Mohamed juga menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa parti Bersekutu yang dipimpin bekas ketua menteri Datuk Harris Salleh mendapat restu dari pemimpin di Kuala Lumpur.

"Kita tidak akan mudah menerima parti-parti yang hendak masuk BN," katanya.

-- BERNAMA

KG AKD